



**PERBENDAHARAAN NEGERI SELANGOR**  
**SELANGOR STATE TREASURY**  
Tingkat 2, 8-12  
Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah  
40592 SHAH ALAM  
SELANGOR DARUL EHSAN  
MALAYSIA

No. Tel : 603-5544 7000  
No. Faks : 603-5510 6255 (YB. PWN)  
603-5544 7297 (TPWN)  
603-5512 1054 (BN)  
603-5521 2533 (BKP)  
Laman Web : <http://pwn.selangor.gov.my>  
E-mel : [pwn\\_helpdesk@selangor.gov.my](mailto:pwn_helpdesk@selangor.gov.my)



**#KitaSelangor**

Ruj Kami : PWN. SEL.600-5/3/6 ( 40 )  
Tarikh : 17 Jumadal Ula 1446H  
19 November 2024

**Semua Ketua Jabatan Negeri**  
**Semua Ketua Pusat Tanggungjawab Negeri**

YB Dato' Seri/ YB Dato' / Y.Bhg. Dato' / YAA Dato'/ SS Dato'/ Tuan / Puan,

**ARAHAN OPERASI BENDAHARI NEGERI SELANGOR BILANGAN 5 TAHUN 2024: PEMBAYARAN PELARASAN GAJI UNTUK PELAKSANAAN SISTEM SARAAN PERKHIDMATAN AWAM (SSPA) BAGI PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM NEGERI MENGGUNAKAN SISTEM PERAKAUNAN AKRUAN KERAJAAN NEGERI (iSPEKS)**

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Untuk makluman YB Dato' Seri/ YB Dato' / Y.Bhg. Dato' / YAA Dato'/ SS Dato'/ Tuan / Puan, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Ke 29/2024 pada 9 Oktober 2024 telah meluluskan Pemakaian Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2024 yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia. Pekeliling Perkhidmatan ini berkuat kuasa pada 1 Disember 2024.

3. Sehubungan dengan itu, Pentadbiran ini telah menetapkan proses pelarasan gaji tersebut hendaklah dilakukan melalui Penyata Perubahan Gaji bulanan bulan Disember 2024. Bagi melancarkan pembayaran pelarasan gaji Fasa 1 melalui iSPEKS, tindakan yang perlu diambil oleh Jabatan/ Pusat Tanggungjawab (PTJ) adalah seperti berikut:


- i. Membuat pengiraan pelarasan gaji secara manual berdasarkan data gaji bulan Oktober 2024 yang diberikan oleh Bahagian Khidmat Perunding (BKP), JANM melalui Pejabat Bendahari Negeri secara e-mel dalam format Excel sebagai panduan dan rujukan Jabatan/PTJ untuk mengunci masuk jumlah gaji baru bagi pegawai yang memilih skim SSPA;
- ii. Mengunci masuk maklumat pegawai yang menerima opsyen SSPA dan layak menerima pelarasan gaji melalui Penyata Perubahan Mengenai Pendapatan Seseorang Pegawai (Kew.8) di Modul Gaji (PY) mulai 20 November 2024. Untuk mengelakkan kelewatan, dokumen sokongan/ Kew.8 (manual) dibenarkan untuk disediakan kemudian;
- iii. Mengemaskini perubahan maklumat kod skim perkhidmatan, gred perjawatan dan gred gaji selaras pelaksanaan SSPA.

4. Bayaran pelarasan gaji ini akan dibayar bersekali dengan emolumen bulan Disember 2024. PTJ adalah bertanggungjawab menyemak dengan teliti dan memastikan perkiraan yang betul serta tepat berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2024. Sekiranya terdapat amaun yang telah dibayar kepada pegawai yang tidak layak, PTJ hendaklah mengutip semula amaun yang telah dibayar tersebut.

Sekian. terima kasih.

**"#KITASELANGOR MAJU BERSAMA"**  
**"MALAYSIA MADANI"**  
**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,



**(MOHD SABREE BIN YAAKUB ) C.A(M)**  
Bendahari Negeri Selangor

**Salinan Kepada:**

YB. Pegawai Kewangan Negeri Selangor